

06/06/1997

Peluang penuntut IKM sertai industri penerbangan

JASIN, Khamis - Penuntut kursus mekanik kejuruteraan badan dan enjin pesawat di Institut Kemahiran Mara (IKM) di sini yang bermula Januari lalu, mempunyai masa depan cerah kerana industri penerbangan negara yang sedang berkembang pesat menghadapi masalah kekurangan tenaga mahir.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata industri penerbangan adalah bidang baru yang diberi penekanan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan meminta kementerianya melalui Mara menyediakan tenaga mahir.

Katanya, kerajaan meluluskan peruntukan RM10 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) untuk program mekanik kejuruteraan badan dan enjin pesawat secara usaha sama Mara dengan Northrop Rice USA Inc.

"Saya ghairah menyahut cabaran ini apabila Perdana Menteri bertanya siapa hendak rebut peluang daripada cadangan Northrop Rice hendak mengadakan usaha sama program ini," katanya merasmikan kursus mekanik kejuruteraan badan dan enjin pesawat di IKM di sini, hari ini.

Menurut beliau, selepas pengambilan 50 penuntut pada Januari lalu, kursus itu menerima pula 1,840 permohonan bagi pengambilan Julai ini.

Katanya, ini membuktikan kursus itu begitu popular dan sekali gus menunjukkan masa depan industri penerbangan yang cerah.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Mustapa berkata, Mara terutama IKM, mencatat sejarah apabila pertama kali terbabit dalam bidang baru dengan menawarkan kursus berkenaan dan tidak lagi kursus tradisional seperti pendawaian, kejuruteraan dan kimpalan.

"Kita dapat menjayakan program ini dengan singkat selepas berunding setahun lalu dengan kemampuan menempatkan 200 penuntut dengan pengambilan 50 bagi Januari dan Julai bagi pengajian dua tahun.

"Temuduga terpaksa diadakan bagi pengambilan Julai ini apabila menerima 1,840 permohonan bagi 50 tempat belajar," katanya.

Menurutnya, penuntut kursus ini akan menerima sijil dan berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah di Northrop Rice.

Mustapa berkata, Northrop Rice membekalkan alatan latihan, kurikulum, 23 enjin kapal terbang, lima pesawat dan menempatkan tiga pakar di IKM di sini.

Selain itu, katanya, 10 tenaga pengajar tempatan akan mengikuti latihan di Northrop Rice yang mana dalam tempoh tiga tahun, kursus itu akan menggunakan sepenuhnya tenaga pengajar tempatan.

(END)